



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 17 OKTOBER 2024**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	HARGA SILING BERAS TEMPATAN PERLU DISEMAK SEMULA, NEGARA, KOSMO -4 SEMAK SEMULA HARGA SILING BERAS TEMPATAN, LOKAL, HM -16 'SEMAK SEMULA HARGA SILING BERAS TEMPATAN', NASIONAL, BH -14 PENGUAT KUASA TUJUH AGENSI BAWAH KPKM BAKAL DIGABUNG, NASIONAL, SH -7 BELANJAWAN 2025: HARAPAN SEKTOR KETERJAMINAN MAKANAN, TIMUR LESTARI, HAKAKAH -H27	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
6. 7. 8.	300 TUKUN DILABUH SEPANJANG PERAIRAN KELANTAN, TIMUR, HAKAKAH -H15 PROGRAM LABUH TUKUN BERI IMPAK POSITIF, TIMUR, HAKAKAH -H17 BINA GARISAN TUKUN DARI KEMAMAN KE BESUT, TIMUR, HAKAKAH -H18	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
9. 10.	759 USAHAWAN MADA JANA HASIL CECAH RM17.2j, DALAM NEGERI, UM -34 PERLIS HARAP PERUNTUKAN NAIK TARAF INFRASTRUKTUR PERTANIAN, DALAM NEGERI, UM -34	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
11.	EXCO TIDAK DILANTIK AHLI LEMBAGA KADA, TIMUR, HAKAKAH -H14	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
12. 13. 14. 15. 16.	'HARAPKAN AIR HUJAN, SUNGAI', LOKAL, HM -18 DOA, AIR MATA PESAWAH DAPAT PERHATIAN, NASIONAL, SH -11 RAKYAT TERSEPITI, MUKA DEPAN, HAKAKAH -1 APA BELANJAWAN 2025 MAMPU BERIKAN?, NASIONAL, HAKAKAH -H2 TELUR BAKAL IKUT JEJAK AYAM?, POLITIK SEMINGGU, HAKAKAH -H4	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Harga siling beras tempatan perlu disemak semula

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

KUALA LUMPUR – Harga siling beras tempatan perlu disemak semula dengan mengambil kira kos pengeluaran semasa serta pergerakan harga beras putih dunia.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, harga maksimum beras putih tempatan (BPT) ketika ini pada kadar RM2.60 sekilogram.

Menurut beliau, harganya tidak berubah sejak 2008 bagi memastikan rakyat mendapat harga berpatutan susulan peningkatan mendadak harga makanan tersebut di pasaran global.

"Selepas 16 tahun, harga maksimum beras berkenaan belum lagi disemak, walhal harga jualan BPT adalah berkait langsung dengan harga belian padi.

"Sejak 2008, harga lantai belian padi dinaikkan daripada RM750 per tan kepada RM1,200 per tan pada 2014 dan terkini

pada kadar RM1,300 setiap tan, manakala harga BPT masih kekal tidak berubah," katanya dalam jawapan bertulis bagi menjawab soalan Nurul Amin Hamid (**PN-Padang Terap**) di Parlimen semalam.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, pihaknya sudah pun menubuhkan satu pasukan petugas khas bagi meneliti isu-isu berkaitan industri padi dan beras negara termasuk kajian daya saing struktur harga.

Malah katanya, kementerian juga sedang menunggu laporan hasil kajian terhadap industri padi dan beras yang bakal dikesampingkan oleh Suruhanjaya Persewaan Malaysia tidak lama lagi.

"Dapatan hasil kajian tersebut akan dijadikan rujukan kepada kementerian untuk menambah baik industri padi beras melalui 'task force' yang telah ditubuhkan.

"Kami ingin memberi komitmen bahawa kebajikan pesawah akan terus diutamakan dan diberikan perhatian yang sewajarnya," ujarnya.



MOHAMAD ketika menjawab soalan di Dewan Rakyat semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/10/2024	HARIAN METRO	LOKAL	16



KPKM menunggu laporan hasil kajian terhadap industri padi dan beras yang bakal dikemukakan MyCC tidak lama lagi.

DEWAN RAKYAT

Semak semula harga siling beras tempatan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Harga siling beras tempatan perlu disemak kembali dengan mengambil kira kos pengeluaran semasa, unjuran kos pada masa hadapan serta pergerakan harga beras putih dunia.

Menteri Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, harga maksimum beras putih tempatan (BPT) ditetapkan pada kadar RM2.60 sekilogram sejak 2008 bagi memastikan rakyat mendapat beras pada harga

berpatutan ekoran peningkatan mendadak harga beras di pasaran global.

"Namun, selepas 16 tahun, harga maksimum beras tempatan belum lagi disemak. Harga jualan BPT adalah berkait langsung dengan harga belian padi.

"Sejak 2008, harga lantai belian padi dinaikkan daripada RM750 per tan metrik kepada RM1,200 per tan metrik pada 2014 dan terkini pada kadar RM1,300 setiap tan metrik, manakala harga BPT masih kekal tidak berubah," katanya dalam jawapan bertulis menjawab soalan **Nurul Amin Hamid (PN-Pa-**

dang Terap) di Dewan Rakyat, semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, KPKM sudah pun menubuhkan satu *Task Force* bagi meneliti isu berkaitan industri padi dan beras negara termasuk kajian daya saing struktur harga padi dan beras negara.

"Di samping itu, kementerian menunggu laporan hasil kajian terhadap industri padi dan beras yang bakal dikemukakan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) tidak lama lagi.

"Dapatan hasil kajian itu akan dijadikan rujukan kepada pihak KPKM untuk menambah baik in-

dustri padi beras melalui *Task Force* yang sudah ditubuhkan.

"KPKM ingin memberi komitmen kebajikan pesawah akan terus diutamakan dan diberikan perhatian sewajarnya," katanya.

Akhir tahun lalu, Pengilang Beras Malaysia memberi jaminan mereka akan meningkatkan harga belian padi kepada RM1,500 per tan sekiranya harga siling beras putih tempatan (BPT) dapat dinaikkan kepada RM3.20 sekilogram.

Ini adalah susulan langkah kerajaan yang akan meneliti semula harga siling BPT dinaikkan dalam usaha menjaga masa depan semua pihak dalam rantaian pengeluaran bahan makanan itu terutama pesawah.

KPKM
tubuhkan satu *Task Force* bagi meneliti isu berkaitan industri padi dan beras negara

'Semak semula harga siling beras tempatan'

Kajian perlu ambil kira kos pengeluaran semasa, unjuran kos pada masa hadapan dan pergerakan harga beras putih dunia.

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Harga siling beras tempatan perlu disemak semula dengan mengambil kira kos pengeluaran semasa, unjuran kos pada masa hadapan dan pergerakan harga beras putih dunia.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata harga maksimum beras putih tempatan (BPT) ditetapkan pada kadar RM2.60 sekilogram sejak 2008 bagi memastikan rakyat mendapat harga berpatutan susulan peningkatan mendadak harga makanan itu di pasaran global.

Namun, katanya, selepas 16 tahun, harga maksimum beras berkenaan belum lagi disemak walaupun harga jualan BPT adalah berkait langsung dengan harga belian padi.

"Sejak 2008, harga lantai belian padi dinaikkan daripada RM750 per tan kepada RM1,200 per tan pada 2014 dan terkini



Kerajaan sedia kaji semula harga siling beras tempatan.

(Foto Nur Iqbal Syakir Mohd Salleh/BH)

pada kadar RM1,300 setiap tan, manakala harga BPT masih kekal tidak berubah," katanya dalam jawapan bertulis menjawab soalan Nurul Amin Hamid (PN-Padang Terap) di Dewan Rakyat.

Tubuh pasukan

Mohamad berkata, KPKM sudah pun menubuhkan satu pasukan tugas khas bagi meneliti isu berkaitan industri padi dan beras negara, termasuk kajian daya



Mohamad Sabu

saing struktur harga.

Di samping itu, katanya, kementerian sedang menunggu laporan hasil kajian terhadap industri padi dan beras yang akan dikemukakan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), tidak lama lagi.

"Dapatan hasil kajian ini akan dijadikan rujukan kepada KPKM untuk menambah baik industri padi beras melalui 'task force' yang ditubuhkan.

"KPKM ingin memberi komit-

men bahawa kebajikan pesawah akan terus diutamakan dan diberikan perhatian sewajarnya," katanya.

Akhir tahun lalu, Pengilang Beras Malaysia memberi jaminan mereka akan meningkatkan harga belian padi kepada RM1,500 per tan sekiranya harga siling BPT dapat dinaikkan kepada RM3.20 sekilogram.

Ini adalah susulan langkah kerajaan yang akan meneliti semula harga siling BPT dinaikkan dalam usaha menjaga masa depan semua pihak dalam rantaian pengeluaran bahan makanan itu.

Penguat kuasa tujuh agensi bawah KPKM bakal digabung

Laksana pelan reformasi ubah ekosistem industri agromakanan

Oleh IZWAN ROZLIN
PUTRAJAYA

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bercadang menggabungkan anggota penguat kuasa di tujuh agensi di bawahnya untuk membantu memperkukuhkan tugas penguatkuasaan dan mengawalselia padi dan beras di bawah Akta 522.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KPKM, Datuk Badrul Hisham Mohd berkata, langkah itu merupakan salah satu daripada empat pelan reformasi di bawah Reformasi Padi dan Beras Negara.

Menurutnya, tiga lagi pelan reformasi di bawah industri padi dan beras ialah peraturan melarang pencampuran Beras Putih Tempatan (BPT) dengan Beras Putih Import (BPI), reformasi pentadbiran di Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan pengasingan kuasa antara Bahagian Pembangunan Industri Padi (PIP), Kawalselia Padi dan Beras (KPB) dan wakil kerajaan dalam Padiberas Nasional Berhad (Bernas).

"Langkah ini selari dengan kehendak Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk kita membuat perubahan besar (reform) dalam pentadbiran sistem kerajaan bagi mengelakkan pertindihan kuasa, memperkasakan fungsi untuk kita gabungkan tugas kawal selia padi dan beras di bawah satu entiti yang baharu.

"Perkara ini telah dibentangkan di bawah Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Malaysia Madani (MTMM) yang akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri," katanya kepada media di Wisma Tani di sini pada Isnin.

Beliau berkata, pelan reformasi yang dirancang KPKM ini telah mendapat maklum balas yang positif dari semua pihak berkepentingan.

"Saya rasa tidak ada satu pandangan negatif tentang idea ini dan ia merupakan satu kaedah untuk kita memperkukuhkan penguatkuasaan industri, bukan sahaja padi beras, tetapi keseluruhan ekosistem agromakanan negara.



Ekosistem padi dan beras perlu difahami dan dibetulkan untuk memanfaatkan petani.

"Dengan kekuatan seramai 2,030 anggota penguat kuasa, 14 akta dan tujuh jabatan, agensi yang terlibat akan disatukan di bawah satu pengurusan dan dijangka dapat memperkukuhkan lagi aktiviti penguatkuasaan. Kita tidak lagi dilihat sebagai sebuah kementerian yang lemah dari sudut penguatkuasaan akta-akta yang terlibat," katanya.

Memperincikan lagi mengenai pelan reformasi berkenaan, Badrul Hisham mengakui BPT 'hilang' kerana tugas penguatkuasaan tidak dapat dijalankan secara menyeluruh disebabkan anggota dan pegawai penguat kuasa mempunyai keanggotaan seramai 160 orang.

"Untuk menjaga satu industri besar seluruh negara, kekuatan itu tidak cukup dan Akta 522 mempunyai 15 perkara yang perlu dilaksanakan oleh pasukan ini untuk memastikan industri kita berada dalam landasan yang betul," katanya.

Kaji semula harga padi dan beras
Selain melancarkan tugas penguatkuasaan, Badrul Hisham berkata, pelan reformasi berkenaan juga akan mengkaji semula sama ada harga padi dan beras terkini kompetitif atau tidak dengan kos pengeluaran.

"Adakah wajar kita kekalkan harga RM26 untuk 10 kilogram (kg) BPT atau ubah sama ada naikan atau kita turunkan harga menerusi keputusan hasil kajian menyeluruh yang akan dilakukan oleh kementerian dan pasukan pakar," katanya.

Beliau berkata, perkara ketiga dalam pelan reformasi berkenaan ialah untuk memberi fokus kepada tugas mencegah dan membasmi manipulasi kerana dalam kerangka perundangan semasa tidak ada satu klausa yang melarang,

menghalang aktiviti mencampurkan BPT dan BPI.

"Apabila tidak ada larangan yang khusus dalam akta, manipulasi ini tidak memberi kelebihan kepada kerajaan dan rakyat.

"Kita cuba untuk memperkenalkan satu peraturan melarang pencampuran BPT dan BPI supaya setiap metrik tan padi yang dihasilkan menjadi beras lokal yang ada dalam pasaran dan boleh diakses oleh rakyat," katanya.

Pengasingan kuasa kawal selia padi dan beras

Jelas Badrul Hisham lagi, pelan reformasi sektor padi dan beras juga akan melakukan pengasingan kuasa untuk mengelakkan berlakunya konflik kepentingan yang mungkin membawa kepada persepsi negatif terhadap sektor padi dan beras.

"Pada masa ini tiga fungsi utama dalam Bahagian Industri Padi dan Beras iaitu KPB, PIP dan wakil kerajaan dalam Bernas dipegang oleh seorang individu yang mungkin terdedah kepada tomanan.

"Beliau terpaksa melaksanakan tiga tanggungjawab dalam satu masa dan memberikan peluang kepada pihak tertentu mencipta persepsi negatif yang tidak membantu kemajuan industri," ujarnya.

Tambahnya, pelaksanaan yang dibuat penting bagi menyahut seruan Perdana Menteri pada Februari lalu yang mahu KPKM memperkasakan tugas penguatkuasaan.

Sasar pengeluaran padi dan beras

Mengulas lanjut mengenai perancangan jangka masa panjang KPKM, Badrul Hisham berkata buat masa ini, KPKM menyasarkan 80 peratus pengeluaran beras tempatan dalam tempoh 10 tahun.

"Sekarang ini pengeluaran beras tempatan adalah sebanyak 56.2 peratus manakala selebihnya bekalan beras kita

import dari Vietnam, India, Thailand dan Pakistan," katanya.

Tambahnya, untuk merealisasikan matlamat berkenaan KPKM akan membentuk pasukan reformasi bagi memilih model padi dan industri yang hendak dijadikan contoh selain mempunyai perancangan dan strategi menyeluruh serta pelan komunikasi.

"Ini empat elemen yang kita kena bawa supaya bila pengumuman dibuat, menteri tidak akan berseorangan," jelasnya.

Badrul Hisham menambah, tujuan pelan reformasi itu untuk mendidik pengilang, pemborong, peruncit dan pembeli padi supaya lebih beretika.

"Mereka boleh buat untung tetapi jangan keterlaluan kerana ada 41,000 pemain industri yang sekarang ini berkongsi kekayaan industri padi dan beras.

"Sebab itu inspirasi atau semangat reformasi ini sebenarnya penting untuk kita menganalisa keseluruhan rantaian yang nilai padi beras. Kita menyusun, membuat dan menstruktur semula supaya rakyat yakin kerajaan dalam satu agenda pembentukan semula industri ke arah lestari," katanya.

Jelasnya, 60 peratus daripada kos pengeluaran padi negara disubsidi oleh kerajaan.

"Setiap hektar, pesawah diberikan sekitar RM4,000 meliputi kos tenggala, bajak, pengapuran, benih padi, penuaian dan subsidi harga padi yang kita beri dengan 11 bentuk bantuan diberikan di peringkat pra, semasa dan pasca tanam.

"Industri ini boleh memberikan sumbangan pada ekonomi negara sekitar RM9 hingga 12 billion mengatasi pelaburan yang dikeluarkan tetapi persoalannya ialah petani terus miskin," katanya.

Badrul Hisham berkata, selepas kerajaan mengumumkan reformasi, sekelompok petani marah meskipun mereka dapat subsidi RM500 (satu tan) padi, namun disebabkan kilang sudah menurunkan harga belian padi daripada RM1,800 (satu tan) kepada RM1,300 atau RM1,450.

"Mereka marah dengan kerajaan kerana kilang sudah menurunkan harga beli, sedangkan itu permainan yang perlu kita betulkan dalam ekosistem.

"Ekosistem padi dan beras itu perlu difahami. Jika tidak dibetulkan maka selamanya kerajaan akan disalahkan dan petani sentiasa menuntut lebih banyak subsidi," katanya.

Beliau berkata, gerakan reformasi itu dilihat sebagai salah satu cara menghentikan manipulasi pihak tertentu dan kerajaan sanggup menjadik lebih popular demi memberi kesejahteraan kepada rakyat.

Belanjawan 2025: Harapan sektor keterjaminan makanan

Oleh **IZZAT TUAN IBRAHIM**

BELANJAWAN 2025 yang akan dibentangkan pada 18 Oktober ini adalah belanjawan kali ke-3 dibentangkan oleh kerajaan Madani. Rata-rata pesawah, petani, penternak malah kerajaan negeri meluahkan harapan agar sektor pertanian dan keterjaminan makanan akan mendapat peruntukan lebih besar dalam Belanjawan 2025 berbanding tahun lepas.

Ia akan menunjukkan keseriusan kerajaan dalam sektor pertanian dan keterjaminan makanan bagi mengisi keperluan rakyat yang kian hari kian mendesak. Tahun 2025 adalah cabaran terutama dalam sektor pertanian, di mana dijangkakan perubahan iklim bakal memberi implikasi kepada sektor keterjaminan makanan.

Tumpuan perlu diberikan oleh kerajaan dengan serius bagi meningkatkan sektor pertanian yang dilihat kurang diminati.

Menurut Laporan Banci Pertanian sebelum ini menunjukkan berlaku penurunan jumlah petani di Malaysia dengan kadar yang sangat ketara iaitu 2.12 juta petani pada 2010 (7.5 peratus daripada rakyat Malaysia) kepada hanya 900,000 petani pada 2023 (2.7 peratus daripada rakyat Malaysia). Ia menunjukkan semakin ramai rakyat Malaysia kurang berminat untuk bekerja dalam sektor 3D (kotor, bahaya, sukar) ini.

Negeri-negeri utara dan pantai timur yang bermajoriti bumiputera mempunyai potensi besar dalam sektor pertanian dan keterjaminan makanan. Kelantan dan Kedah merupakan negeri yang harus diutamakan untuk memajukan industri padi. Sekali gus ia bakal meningkatkan lebih banyak hasil pengeluaran makanan ruji negara.

Namun, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Negeri Kelantan, Datuk Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail menyatakan bahawa pihaknya mengalami sedikit

kekangan untuk memajukan industri itu berikutan isu ketidakcekapan infrastruktur bekalan air.

Isu ketidakcekapan infrastruktur bekalan air, terutama kepada sektor pertanian di Kelantan diharapkan dapat diselesaikan memandangkan ia telah membebani sekitar 7,100 pesawah selama lebih 20 tahun. Isu ini bertambah buruk apabila pada Disember lalu, pam milik Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) mengalami masalah kebocoran yang menjejaskan tanaman.

Stesen Pam Kemubu 3 pula dijangka siap pada Mei 2025 selepas tertangguh dari jadual asal pada 2024. Bagi mengatasinya, kerajaan perlu memperuntukkan sekurang-kurangnya sebanyak RM1.3 bilion.

Perlis pula mengharapakan Kerajaan Persekutuan dapat mempertimbangkan peruntukan khusus untuk meningkatkan infrastruktur perparitan dan saluran terutama bagi kawasan sawah di negeri itu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Industri Makanan negeri, Razali Saad berkata hal ini kerana masih terdapat masalah sistem perparitan dan saluran dikenal pasti berlaku sama ada dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Sistem perparitan dan saluran yang tidak lancar sering kali menyebabkan kawasan pertanian di negeri itu terjejas terutama ketika musim banjir. Malah, banjir baru-baru ini menjejaskan 432.9 hektar kawasan sawah melibatkan 256 petani dengan kerugian dianggarkan RM3.5 juta.

Hala tuju sektor pertanian

Jika dilihat, memang berlaku peningkatan peruntukan untuk sektor pertanian setiap tahun. Pada 2024, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) diperuntukkan sebanyak RM6.17 bilion, iaitu peningkatan 14.4 peratus berbanding RM5.39 bilion pada 2023.

Belanjawan tahun lalu turut memberikan insentif yang



Rakyat tempatan semakin kurang minat bekerja di sektor pertanian.

lebih kepada sektor perikanan dan kebajikan nelayan. Namun pada masa yang sama, isu ketidakcukupan beras tempatan dan keberangtungan import yang tinggi dilihat tidak mendapat perhatian yang tuntas daripada kerajaan.

Timbul persoalan, bagi belanjawan 2025, apakah aras keutamaan kerajaan bagi sektor keterjaminan makanan ini.

Apakah yang akan menjadi fokus kerajaan bagi meningkatkan produktiviti dan hasil pertanian negara? Jika merujuk kepada kenyataan Prabelanjawan 2025, kerajaan meletakkan tiga teras utama kerangka Ekonomi Madani iaitu menaikkan siling, menaikkan lantai dan reformasi sektor awam, namun perincian kepada teras ini tidak banyak membincangkan penstrukturan pertanian negara.

Lebih membimbangkan, sektor pertanian sering kali menjadi kambing hitam dengan untuk menjimatkan perbelanjaan negara. Sebagai contoh, alasan yang diberikan untuk penarikan subsidi di telur baru-baru ini juga kononnya mampu menjimatkan perbelanjaan negara.

Namun pada masa sama, negeri Sabah seperti sebelum ini bercadang untuk meminta pengecualian daripada kerajaan Pusat berhubung cadan-

gan penamatan subsidi telur seperti mana Sabah dan Sarawak masih mendapat subsidi diesel.

Persoalannya, adakah subsidi telur itu penyebab kepada pembaziran? Adakah rakyat Malaysia akan menysahkan sekali lagi penarikan subsidi dikenakan hanya di Semenanjung Malaysia? Jika ini berlaku, apakah motif disebalik tindakan dwi standard ini?

Industri pertanian di Malaysia sebahagian besarnya adalah berintensifkan buruh kerana penggunaan teknologi dan automasi yang masih rendah. Hal ini menyebabkan kita masih bergantung kepada tenaga kerja warga asing, hampir 40 peratus bagi menampung kekurangan petani di Malaysia.

Akibatnya, ia mewujudkan persaingan kos buruh yang turut mengurangkan pendapatan petani tempatan kita. Pada 2021, purata pendapatan bagi pekerja pertanian ialah RM1,764 berbanding dengan purata nasional sebanyak RM3,212. Ini sebenarnya lebih rendah daripada tahun 2018, di mana purata pendapatan bagi pekerja pertanian ialah RM1,865 berbanding dengan purata nasional sebanyak RM3,087.

Selain itu, purata pendapatan bulanan pernah mening-

kat antara tahun 2010 hingga tahun 2015 tetapi menurun antara tahun 2015 hingga tahun 2017. Ini menunjukkan bahawa sub-sektor tersebut juga mudah terpengaruh kepada kegawatan ekonomi yang seterusnya menjejaskan pendapatan petani.

Jika benar fokus kerajaan ialah menaikkan lantai, maka pekerja yang majoritinya bumiputera inilah yang selayaknya diberikan galakan untuk lebih berkecimpung dalam sektor pertanian.

Inilah sebahagian isu yang perlu diberi perhatian kerajaan dalam belanjawan 2025. KPKM telah mengemukakan 32 cadangan inisiatif Belanjawan 2025 kepada Kementerian Kewangan untuk dipertimbangkan. Harapan rakyat kali ini adalah untuk melihat kerajaan lebih serius memperkuatkan pengurusan rantaian makanan dan meneliti isu yang perlu diselesaikan segera dalam sektor pertanian.

Apa yang penting, kerajaan seharusnya memberi suatu gambaran kepada anak muda bahawa sektor pertanian adalah satu profesion yang pendapatan yang boleh memberikan pulangan yang baik. Petani muda adalah harapan negara untuk menjamin sekuriti makanan negara kita.

>>Penulis ialah penyelidik Yayasan Strategik Lestari

300 tukun dilabuh sepanjang perairan Kelantan

Oleh MUHAMMAD ARIF ISMAIL

BACHOK: Kelantan melabuh sebanyak 70 tukun melibatkan kos keseluruhan RM2.2 juta dengan kerjasama Jabatan Perikanan Malaysia bagi mewujudkan pelabuhan tukun.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi, Dato' Tuan Saripudin Tuan Ismail berkata, sebahagian dana daripada Ecological Fiscal Transfer For Biodiversity Conservation (EFT).

Katanya, pada tahun ini sebanyak lima lokasi dikenal pasti iaitu Kuala Tumpat, Kuala Besat, Pantai Irama dan Tok Bali untuk dilabuh tukun tiruan (konservasi).

"Alhamdulillah tahun ini Kelantan mendapat paling banyak tukun yang dilabuh-



Kerja-kerja melabuh tukun tiruan di perairan Tawang, Bachok.

kan di beberapa tempat.

"Hari ini sebanyak 70 unit dilabuh daripada keseluruhan 300 unit. Tukun yang dilabuh

di perairan Tok Bali daripada peruntukan kerajaan negeri sebanyak RM300,000, disamping dana EFT dan ja-

batan Perikanan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena program melabuh tukun tiru-

an di Jeti Pangkalan Cawangan Konservasi dan Perlindungan Perikanan Tawang di sini Isnin lepas.

Turut hadir Ketua Pengarah Perikanan Malaysia, Dato' Adnan Hussain; Timbalan Exco Pertanian, Agromakanan dan Komoditi, Dato' Shaari Mat Hussain dan Adun Tawang, Harun Ismail.

Media sebelum ini melaporkan sebanyak 300 unit tukun dilabuh sepanjang perairan Kelantan dengan jumlah peruntukan RM5.8 juta sejak aktiviti tersebut bermula tahun 2007.

EFT merupakan insentif tambahan yang diperkenalkan pada 2019 bagi melindungi, memulihara dan memertakawakan kawasan perlindungan bagi perkhidmatan ekosistem.

Program labuh tukun beri impak positif



Sultan Terengganu turut melakukan aktiviti menyelam.

KUALA TERENGGANU: Baru-baru ini Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin berkenan melakukan penyelaman di dasar laut bagi melaksanakan projek melabuh tukun tiruan kuboid juvenil di perairan Alur Tuman, Marang.

Baginda turut meletak plak perasmian pada tukun yang dilabuhkan pada kedalaman kira-kira 17 meter.

Anggota Exco Kerajaan Negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, usaha Sultan Mizan mungkin merupakan yang pertama di Malaysia atau di dunia melakukan aktiviti menyelam.

“Atas perkenan tuanku menjadi perangsang untuk memperkasakan lagi sektor perikanan,” katanya selepas majlis perasmian Program Melabuh Tukun Tiruan, Kuboid Juvenil Penghalang Pukat Tunda Terengganu 2024, di Duyong Marina Resort pada Khamis.

Turut hadir Menteri Besar, Dato’ Seri Ir Dr Ahmad Samad, Menteri dan Ketua Pengarah Perikanan, Dato’ Adnan Hussain.

Dr Azman juga berkata, program itu merupakan sebahagian daripada usaha melabuhkan 100 unit tukun tiruan di perairan Terengganu

sepanjang tahun ini.

“Sebelum ini 20 unit tukun dilabuh di sekitar perairan Kuala Terengganu, Dungun, Setiu dan Kuala Nerus dengan jumlah kos berjumlah RM3.1 juta,” katanya.

Menurutnya siri terakhir program itu dijangka selesai dengan melabuh baki 20 unit tukun di perairan Kuala Nerus.

Kata beliau, sejak 2006 sehingga 2024, Terengganu melabuh 1,579 unit tukun di 60 tapak dengan kos lebih RM18 juta, di mana RM13 juta disumbang kerajaan negeri dan selebihnya sumbangan kerajaan persekutuan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/10/2024	HARAKAH	TIMUR	H18

Bina garisan tukun dari Kemaman ke Besut

Oleh **NOR HAZWANI NOH**

KUALA TERENGGANU: Kerajaan Terengganu merancang membina garisan tukun yang terdiri daripada 245 kelompok tukun bertujuan untuk meningkatkan keselamatan nelayan dan memperkukuhkan sumber perikanan.

Menurut Pengerusi Jawatan-kuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Negeri, Dr Azman Ibrahim, setiap satu kilometer di sepanjang pantai akan dilengkapi kelompok tukun, bermula dari Kemaman sehingga ke Besut.

Katanya, setakat ini, sebanyak 60 kelompok tukun siap dibina.

“Walaupun perjalanan ini jauh, setiap langkah pertama adalah penting. Kita berada di landasan yang betul dengan usaha secara berterusan,” katanya selepas majlis perasmian Program Melabuh Tukun Tiruan, Kuboib Juvenil Penghalang Pukat Tunda Terengganu 2024, di Duyong Marina Resort, di sini, pada Khamis.

Menurut Azman yang juga Adun Jabi, pada pertemuan libat urus bersama nelayan didapati tiga masalah utama dihadapi mereka iaitu pencero bobahan, isu perlesenan dan sumber perikanan.

“Ini antara rungutan dan aduan yang sering nelayan sukar ketika mencari rezeki,” katanya.



Kerja-kerja melabuh tukun tiruan di perairan Terengganu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/10/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	34

759 usahawan MADA jana hasil cecah RM17.2j



TUANKU Syed Faizuddin Putra Jamalullail (kanan) berkenan meninjau ladang ternakan lembu selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Destinasi Agropelancongan MADA Wilayah 1 Perlis di Homestay Dangau Tok Chaq, Simpang Empat, Arau, Perlis, semalam.

ARAU: Seramai 759 usahawan bimbingan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Wilayah 1 Perlis menjana hasil mencecah RM17.2 juta bagi tempoh sehingga September lalu.

Jumlah berkenaan adalah menerusi pengeluaran industri asas tani seperti kuih tradisional, produk makanan dan tanaman, ternakan, akuakultur serta agro pelancongan.

Perkembangan tersebut dipersembahkan wakil MADA kepada Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail sewaktu sesi taklimat bersempena Program Jelajah Agro Pelancongan MADA 2024 di sini, semalam.

Tuanku Syed Faizuddin berkenan menyempurnakan majlis perasmian tersebut yang berlangsung di Homestay Dangau Tok Chaq, Simpang Empat, di sini.

Dalam majlis sama, Tuanku Syed Faizuddin turut berkenan menyaksikan penyerahan sumbangan berjumlah RM19,500 kepada usahawan Wilayah 1 MADA, Azimah Ahmad yang merupakan pengusaha ternakan lembu.

Baginda turut berkenan menyempurnakan penyerahan zakat kepada asnaf terpilih menerusi Program Kayuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) Peduli.

Penerima sumbangan terdiri daripada Mohd Zulkiflee Ismail, 58, dari Kampung Permatang Pau; Jaafar Mat Isa, 76, dari Simpang Empat dan Ku Md Khir Ku Deris, 66, dari Kampung Datuk Ahmad Musa.

Setiap asnaf menerima sumbangan wang tunai RM700, Kits MAIPs Peduli dan beras fidyah bagi menampung keperluan harian mereka.



RAZALISAAD

Perlis harap peruntukan naik taraf infrastruktur pertanian

KANGAR: Kerajaan diharapkan dapat menyalurkan peruntukan mencukupi buat Perlis khususnya bagi menaik taraf infrastruktur pertanian di negeri ini menjelang pembentangan Belanjawan 2025, Jumaat ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian negeri, Razali Saad berkata, berdasarkan situasi semasa, peruntukan sekitar RM50 juta diperlukan bagi membantu petani-petani khususnya di luar kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Beliau berkata, berikutan itu, kerajaan negeri mengharapkan isu infrastruktur dalam kawasan pertanian dapat diberi bantuan khusus bagi membantu pengeluaran hasil yang baik.

"Di peringkat negeri, kita sememangnya sentiasa cuba untuk membantu petani-petani supaya mereka sentiasa mendapat kemudahan infrastruktur sebaik mungkin," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Jumaat ini, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan membentangkan Belanjawan 2025.

Anwar sebelum ini membayangkan Belanjawan 2025 akan terus menumpukan kepada agenda teras kerangka Ekonomi Madani yang diluncurkannya pada Julai tahun lalu dan sejajar pelaksanaan reformasi percukalian lebih komprehensif sebagai asas kepada sumber hasil negara yang kukuh.

Exco tidak dilantik Ahli Lembaga KADA

KOTA BHARU: Sehingga sekarang anggota Exco tidak dilantik sebagai Ahli Lembaga, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

Ia mengulangi naratif yang berlaku di era kerajaan Barisan Nasional (BN).

Sedangkan sebelum ini Pakatan Harapan (PH) pernah berjanji melantik wakil negeri, namun ia tidak menjadi kenyataan.

Berdasarkan portal rasmi KADA terdapat 10 Ahli Lembaga KADA yang diketuai pemimpin Amanah Kelantan, Mohamad Husin, manakala Timbalan Pengerusi, Mohd Faizur Mustafa.

Lapan lagi Ahli Lembaga termasuk Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi, Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, beliau



Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail

pernah dilantik sebagai Ahli Lembaga KADA ketika Perikatan Nasional (PN) menguasai Putrajaya.

Katanya, kehadiran Exco Pertanian sebagai Ahli Lembaga KADA memudahkan perancangan berkaitan industri padi dan

beras di Kelantan.

"Banyak perancangan dan program dibuat secara bersama, namun selepas PH-BN menguasai Putrajaya, Kerajaan Madani tidak lagi melantik Exco Pertanian dalam Lembaga KADA," katanya di sini.

Beliau juga berkata, kerajaan negeri tidak mempunyai banyak lagi maklumat berkaitan KADA kerana tiada wakil Exco dalam Lembaga KADA.

Sedangkan katanya, KADA memainkan peranan penting bagi memastikan Kelantan kekal sebagai pengeluar beras utama di negara ini.

"Pengeluaran padi tahun ini merosot sehingga 40 peratus berbanding sebelum ini. Jadi kerajaan negeri berusaha mencari alternatif termasuk memperluaskan tanaman padi di luar kawasan jelapang," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/10/2024	HARIAN METRO	LOKAL	18



HANYA 30 peratus pesawah membuat persediaan bagi tanaman kali kedua padi musim ini.

‘Harapkan air hujan, sungai’

7,000 pesawah buntu untuk teruskan tanaman padi berikutan ketiadaan sumber bekalan air

Oleh Nor Amalina Alias
am@hmetro.com.my

Bachok

Kira-kira 7,000 pesawah di negeri ini ‘pe-ni-ng kepala’ untuk meneruskan tanaman padi musim baru yang sepatutnya bermula pertengahan bulan ini.

Ia berikutan mereka masih berdepan ketiadaan sumber bekalan air selain bimbang ancaman Monsun Timur Laut (MTL) yang dijangka menyerang Kelantan, awal November ini.

Pengerusi Persatuan Pesawah-pesawah Kelantan (PESAK) Zuha Ismail berkata, situasi itu menyebabkan hanya 30 peratus pesawah yang sudah membuat persediaan bagi tana-

man kali kedua padi, musim ini.

Katanya, pesawah sepatutnya memulakan aktiviti membajak pada Ahad ini.

“Pesawah mengharapkan air dari sumber hujan dan sungai.

“Kalau ikutkan sehektar padi dapat keluaran hasil empat ke lima tan per metrik tan, jadi kalau tiada bantuan segera untuk kemudahan air kepada petani, banyak kawasan hasil padi terjejas,” katanya ketika ditemui di Kampung Kubang Telaga, di sini.

Zuha berkata, sehingga kini dianggarkan tanaman padi membabitkan keluasan lebih 26 hektar yang berdaftar di bawah PESAK.

Katanya, pesawah kini berdepan pelbagai tekanan bukan sahaja soal ketiada-

an sumber bekalan air, tetapi kenaikan input pertanian yang tinggi selain tercicir bantuan subsidi bersasar kerajaan kerana syarat yang tidak relevan dengan keadaan pesawah.

Sementara itu, tinjauan di laman sesawang rasmi, MetMalaysia bagi ramalan hujan November depan di negeri ini dijangka menerima jumlah hujan meningkat antara 330 hingga 800 milimeter (mm) berbanding bulan ini sekitar 190 hingga 330 mm.

Ketika ini, ramalan menjangkakan keadaan ribut petir di beberapa tempat di kawasan pedalaman Kelantan pada sebelah petang dan malam dengan situasi ini berlanjutan sehingga MTL pada pertengahan November ini.

Bukti ekonomi MADANI
tingkat darjat hidup

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ
WAN MANSOR
ALOR SETAR

Doa, air mata pesawah dapat perhatian

Pesawah-pesawah di utara tanah air sedih dan hiba mengenangkan tanaman padi yang diusahakan selama hampir dua bulan musnah dalam banjir pada pertengahan September lalu.

Kawasan yang terlibat itu di kawasan seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), mengakibatkan seluas 5,915.53 hektar kawasan sawah terjejas.

Ia meliputi kawasan seluas 82 hektar di Wilayah I Perlis, 1,603.20 hektar di Wilayah II Jitra, 2,594 hektar di Wilayah III Pendang dan 1,636.33 hektar di Wilayah IV Kota Sarang Semut.

Bagaimanapun, mereka yang terlibat menerima perkara itu sebagai satu suratan takdir, namun penderitaan golongan tersebut mendapat perhatian daripada kerajaan.

Seorang pesawah, Abdul Ghani Zainal, 48, berkata, dia menghargai keprihatinan kerajaan apabila menteri turun padang untuk melihat sendiri tanaman padi yang hampir dituai namun gagal diselamatkan akibat ditenggelami banjir selama beberapa hari.

Beliau yang mengusahakan tanaman padi sejak 15 tahun lalu, seluas 12 hektar daripada 16 hektar tanaman padi yang diusahakan musim ini rosak dan menanggung kerugian hampir RM80,000.

"Tanaman padi musim kedua dijangka bermula pada Oktober ini dan diharapkan dengan bantuan-bantuan ini dapat membantu meringankan beban yang perlu ditanggung oleh para pesawah yang terjejas dengan banjir," katanya kepada *Sinar Harian*.

Bantuan awal Bakul Makanan Madani selain TBTP (Tabung Bencana Tanaman Padi) disediakan bagi membantu para pesawah untuk kembali bangkit semula.



Pengerusi MADA, Datuk Dr Ismail Salleh dan pasukannya meninjau kawasan tanaman padi yang rosak akibat banjir di PPK Bukit Besar.

Seramai 2,928 orang pesawah, menerima bantuan awal Bakul Makanan Madani yang disampaikan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu.

Bagi meringankan beban pesawah, kerajaan menerusi KPKM menyediakan bantuan melalui TBTP dengan anggaran nilai bantuan bermula RM876 hingga RM1,800 per hektar dan jumlah maksimum bantuan adalah sebanyak tiga hektar satu musim penanaman.

Bukti kerajaan mendengar

Justeru itu, ia merupakan bukti kerajaan sentiasa mendengar suara dan keluhan rakyat dalam mendepani cabaran ekonomi pada hari ini.

Ia juga adalah sebahagian daripada kerangka ekonomi Madani dalam aspek keterjaminan makanan khususnya memastikan kelangsungan bekalan dengan memberi sokongan dan meningkatkan darjat hidup dalam usaha menambahkan pendapatan pesawah.



ABDUL GHANI



MOHD FAUZI



HABSAH

Inisiatif bantuan ini bertujuan menaikkan siling dengan memfokuskan kepada pertumbuhan ekonomi, kesaksamaan peluang dan juga menaikkan lantai dengan meluaskan jaringan sosial untuk golongan yang memerlukan.

Ringan beban

Seorang lagi pesawah, Mohd Fauzi Md Isa, 50, pula berkata, kejadian banjir tersebut menyaksikan seluruh tanaman padinya seluas 2.5 hektar yang diusahakan di Kampung Kuar, dekat sini rosak dan tidak dapat diselamatkan.

Jelasnya, kerugian yang terpaksa ditanggung dia mencecah ribuan ringgit dan dengan bantuan bencana oleh kerajaan diharapkan dapat meringankan bebannya.

"Tanaman padi sudah berusia 90 hari dan berdasarkan jadual dalam seminggu lagi sudah boleh dituai, namun tidak ada rezeki.

"Mujurlah kerajaan mengumumkan bantuan untuk mangsa banjir yang berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS). Bantuan ini dapat digunakan untuk meringankan beban para pesawah yang terpaksa berpindah," ujarnya.

Cepat bertindak bantu pesawah

Sementara itu, seorang suri rumah, Habsah Ismail, 66 berkata, tanaman padi yang diusahakan oleh suaminya, Rashid

Isa, 57 seluas kira-kira lapan hektar juga turut rosak akibat banjir di Tualang, Pokok Sena.

Menurutnya, mereka menyewa tanah untuk mengusahakan tanaman padi ini namun reda dengan ujian tersebut kerana tanaman sedang menunggu masa sahaja untuk dituai.

"Kami gembira kerana kerajaan cepat bertindak malah menteri juga turun padang untuk berjumpa sendiri dengan para pesawah.

"Bantuan TBTP yang bakal diterima sedikit sebanyak dapat menampung untuk digunakan bagi tujuan penanaman semula," katanya.

Tingkatkan kesejahteraan pesawah

Selain TBTP, kerajaan juga berusaha meningkatkan kesejahteraan golongan pesawah dalam meringankan beban golongan itu antaranya harga belian lantai padi meningkat kepada RM1,300 satu tan metrik.

Skim subsidi harga padi turut meningkat kepada RM500 bagi satu tan dan bantuan khas pesawah sebanyak RM200 selama tiga bulan semusim.

Sebagai langkah ke hadapan, KPKM kini juga dalam proses peralihan daripada TBTP kepada Skim Perlindungan Takaful Agromakanan yang akan dimulakan dengan subsektor tanaman padi iaitu Skim Takaful Tanaman Padi (STTP).




Pesawah di PPK Asun, Kubang Pasu turut terjejas dengan kejadian banjir pada September lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/10/2024	HARAKAH	MUKA DEPAN	1

Kos sara hidup meningkat **Rakyat tersepit!**

TELUR, ayam, sayur-sayuran, diesel dan air, sekadar antara barangan dan perkhidmatan yang mencatatkan kenaikan kos. Selepas lebih dua tahun kerajaan campuran Pakatan Harapan-Barisan Nasional (PH-BN) memerintah membawa bersama janji pilihan raya bahawa itu akan diturunkan, ini akan dikurangkan. Realitinya, ialah semakin banyak harga barang dan perkhidmatan dinaikkan.

TELUR



- Subsidi RM927 juta ditarik pada 2023
- Jika dihentikan, harga meningkat 20-50 peratus

AYAM



- Harga ayam hidup 1 kilogram di pasaran RM9, ayam proses standard RM10
- Purata harga pada Januari 2024 adalah RM6.13

SAYUR-SAYURAN



- Harga sayur peringkat ladang naik 20-50 peratus
- Tomato naik RM1.50 kepada RM2.30 sekilogram

DIESEL



- Harga diesel Semenanjung dinaikkan pada Jun 2024 pada kadar RM3.35 seliter

AIR



- Dinaikkan 22 sen bagi setiap meter padu bermula 1 Februari lalu



IKUTI LAPORAN LANJUT DI ► H2

Apa Belanjawan 2025 mampu berikan?

KUALA LUMPUR: Ketika nilai matawang negara meningkat dan kadar inflasi rendah, kerajaan campuran pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kelihatan boleh berbangga dengan petunjuk ekonomi itu.

Namun di peringkat akar umbi, keresahan terhadap kos sara hidup membara. Setakat ini, belum ada sebarang tindakan serius untuk menangani isu pokok yang menekan kehidupan rakyat.

Sebahagian besar rakyat yang mengundi dalam Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) memilih parti yang mampu menangani isu itu. Namun kerajaan PH-BN bukan pilihan yang rakyat mahukan. Hanya melalui strategi perancangan politik menyebabkan gabungan politik PH-BN berjaya membentuk kerajaan.

Ini yang menyebabkan rakyat penat menantikan tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi menangani isu kos sara hidup dan ekonomi yang sebenarnya kritikal ketika ini.

Kerajaan campuran sekarang sekadar meneruskan dasar kerajaan sebelum ini. Tindakan yang dilakukan bersifat kosmetik, iaitu dengan melakukan penjenamaan baharu. Sebagai contoh, Sumbangan Tunai Rahmah sebenarnya hanya meneruskan Bantuan Rakyat Malaysia (BRIM).

Hingga kini mekanisme subsidi bersasar yang kononnya untuk memastikan hanya



Kos sara hidup yang meningkat meresahkan rakyat.

golongan sasaran mendapat bantuan belum kelihatan. Rakyat melihat kerajaan hanya retorik dengan menggemburkan usaha untuk menangani isu kos sara hidup.

Pada Jumaat, 18 Oktober ini, Belanjawan 2025 akan dibentangkan di Dewan Rakyat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sekali lagi, Anwar berjanji kepada rakyat bahawa Belanjawan untuk tahun depan

adalah iltizam keseriusan kerajaan untuk menangani isu kos sara hidup. Namun apa yang berlaku sebelum ini ialah subsidi barangan makanan seperti ayam ditarik balik menyebabkan kenaikan harga berlaku.

Harakah melakukan tinjauan ringkas menemui bual rakyat yang mengharap ada sesuatu khabar baik dalam Belanjawan 2025 yang memberi kebaikan kepada keseluruhan rakyat.

Pekerja restoran, Riswin Ismah, 35, berharap Belanjawan 2025 dapat menawarkan sesuatu yang dapat menangani isu kenaikan kos sara hidup, terutama membabitkan golongan B40.

Katanya, isu utama bagi rakyat ialah barangan makanan yang semakin meningkat menyebabkan rakyat terpaksa memperuntukkan perbelanjaan besar setiap bulan.

"Perkara ini sudah banyak kali diperkatakan. Kerajaan bercakap macam-macam, tetapi hingga kini apa yang dicakap tidak sampai kepada rakyat," katanya.

Selain barangan makanan, katanya kenaikan kadar

bayaran elektrik dan petrol memberi kesan kepada rakyat yang bukan saja golongan B40, malah M40.

Walaupun bekalan makanan mencukupi, katanya harga barangan seperti ikan dan sayur-sayuran mahal bagi orang yang berpendapatan rendah dan sebagai rakyat biasa, amat membebankan.

Bagi guru, Zulaikha Rozak, 27, ura-ura hendak menghentikan subsidi telur ayam yang menjadi barangan keperluan setiap lapisan rakyat amat mendukacitakan.

"Saya sangat tidak setuju dengan cadangan itu. Telur bukan barangan mewah. Ia adalah sumber protein yang berkhasiat dan jika harga dinaikkan, ia menjejaskan golongan berpendapatan rendah."

"Kerajaan perlu berhati-hati dan memikirkan kepentingan semua peringkat rakyat, bukan mengambil tindakan hanya kerana dapat mengurangkan subsidi kerajaan," katanya.

Usahawan, Alif Redzuan, 24, berharap kerajaan dapat

memberi perhatian terhadap aspek kos sara hidup yang semakin meningkat kerana rakyat di bawah benar-benar tersepuh.

"Kita mahu kerajaan prihatin melalui tindakan dan bukan hanya sekadar bercakap. Kos sara hidup naik lebih laju daripada pendapatan dan memberi kesan terhadap rakyat untuk mendapatkan barangan keperluan harian, terutama makanan," katanya.

Bagi peniaga, kafanya peningkatan kos sara hidup akan menjejaskan perniagaan seperti restoran apabila rakyat mengurangkan perbelanjaan makan di luar untuk berjimat.

"Jika dulu makan di luar sekali seminggu, tetapi demi berjimat mengurangkan kepada dua minggu sekali atau sebulan sekali. Peniaga restoran sebagai contoh menanggung kos lebih mahal jika kos bahan mentah meningkat," katanya.

Apakah Belanjawan 2025 akan menjawab permasalahan rakyat atau seperti sebelum ini, sekadar retorik?



Selepas subsidi ayam ditarik, telur mungkin menyusuli nasib sama.



Telur bakal ikut jejak ayam?

Oleh HAZIQ AIMAAN

KEHIDUPAN pada era pemerintahan kerajaan campuran PH-BN ternyata memberikan banyak cabaran kepada rakyat, terutama golongan berpendapatan rendah tidak kira di kawasan bandar mahu pun luar bandar. Selepas subsidi ayam dan RON95 ditamatkan, kini subsidi telur ayam pula sedang dipertimbangkan untuk ditamatkan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pihaknya akan mengkaji semula pemberian subsidi telur ayam bagi gred A, B dan C jika bekalan bahan makanan tersebut kembali pulih.

Menurutnya, penjimatan daripada subsidi itu dapat dimanfaatkan untuk membangunkan sektor agromakanan lain yang lebih mendasar berdasarkan 'kejayaan' penamatan subsidi ayam yang memberi penjimatan RM100 juta sebulan kepada kerajaan.

Ketika masih ramai rakyat hidup dalam kesusahan, kerajaan pula terus menerus menamatkan subsidi bahan yang menjadi sumber penting kehidupan rakyat. Memang

ia dapat memberikan banyak penjimatan kepada kerajaan, tetapi berapa banyak pula wang ringgit yang perlu ditanggung oleh rakyat jika subsidi ditamatkan?

Ku Li sindir Anwar hanya pandai sembang

Veteran Umno, Tengku Razaleigh Hamzah atau Ku Li menyindir Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dikatakan tidak menuai janji reformasi yang dilau-laungkannya sebelum menjawab jawatan berkenaan.

Mantan Ahli Parlimen Gua Musang selama 12 penggal itu turut mendakwa laungan reformasi Anwar hanya kerana marah terhadap mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Adakah reformasi itu? Sembang sahaja. Apa yang dilaukan beliau dahulu hanya kerana marah pada bekas perdana menteri (Tun) Dr Mahathir Mohamad kerana 'belasah' dan tangkap beliau.

"Maka, wujudlah reformasi dan orang ramai setuju dengan laungan ini. Maka, keadilan patut diberi kepadanya. Tetapi, mahu buat reformasi lebih daripada itu

belum pun dilakukan. Lihat sekarang apa yang Anwar buat?" katanya dalam satu wawancara.

Kapal China berlabuh di Pulau Pinang

Tular baru-baru ini mengenai insiden sambutan luar biasa kerajaan Pulau Pinang kepada sebuah kapal tentera laut China yang berlabuh di negeri itu ketika melaksanakan aktiviti 'port call' di Jeti Swettenham, George Town.

di sebuah sekolah menengah swasta dengan pelaksanaan pelbagai program bersama pelajar sekolah tersebut.

Apa yang menarik perhatian dan membimbangkan ramai pihak adalah apabila pelajar berkenaan dilihat mengibarkan bendera negara China dalam program bersama mereka tanpa satu pun bendera Jalur Gemilang kelihatan.

Insiden berkenaan khususnya sambutan luar biasa yang diberikan dianggap oleh orang ramai sebagai ses-

“Maka, wujudlah reformasi dan orang ramai setuju dengan laungan ini. Maka, keadilan patut diberi kepadanya. Tetapi, mahu buat reformasi lebih daripada itu belum pun dilakukan. Lihat sekarang apa yang Anwar buat?”

Bukan itu sahaja, anak kapal tentera laut berkenaan yang dikatakan kelasi dan kadet turut mengadakan program 'Civil-Military Relations'

uatu di luar norma kebiasaan, apabila ia diadakan bukan bersempena latihan bersama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mahu pun Tentera

Laut Diraja Malaysia (ALM) sendiri.

Kibar bendera asing di sekolah satu kesalahan

Susulan insiden murid-murid di Sekolah Tinggi Chung Ling yang mengibarkan bendera China baru-baru ini, peguam, Aidil Khalid berkata, pelajar tidak boleh memamerkan lambang kebangsaan dan bendera negara asing di sekolah di Malaysia kerana salah di sisi undang-undang.

Menurutnya, perbuatan itu adalah kesalahan jenayah yang boleh disiasat, ditangkap dan didakwa kerana Malaysia adalah negara berdaulat.

"Mengikut Seksyen 3 Akta Lambang Kebangsaan (Kawalan Mempamer) 1949 (Akta 193), tiada seorang pun boleh memamerkan mana-mana lambang kebangsaan termasuk bendera negara asing di tempat awam atau sekolah.

"Ini bermaksud, tak boleh kibar bendera negara asing di sekolah dalam negara ini sebab Malaysia merupakan negara berdaulat," katanya menerusi hantaran di laman Facebook beliau.

Akta Ibukota Persekutuan 1960 pula mahu dipinda

Dalam Konvensyen DAP Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur pada 13 Oktober lalu, parti itu mencadangkan kerajaan untuk meminda Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 bagi membolehkan Ahli Majlis dilantik sama seperti dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh negara.

Pengerusi DAP Wilayah Persekutuan, Tan Kok Wai berkata, parti itu bersama rakan dalam Pakatan Harapan (PH) sedang berusaha mencadangkan reformasi dengan melaksanakan sistem pelantikan ahli majlis untuk Kuala Lumpur.

Katanya, langkah berkenaan mampu memperkasakan demokrasi tempatan dan membawa sistem pentadbiran Kuala Lumpur ke arah pilihan raya Kerajaan-Tempatan.

Walaupun kaedah pelantikan itu tidak sama dengan perjuangan DAP sejak dahulu untuk mengadakan pilihan raya PBT, cadangan Kok Wai jika diterima pasti akan menyebabkan lebih ramai pemimpin DAP berada dalam sistem Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kerana sebahagian besar kawasan Parlimen di Kuala Lumpur dikuasai parti itu.